


# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



Chia Joo Suan  
**You're What You Eat : Your Healthy Lifestyle Guide**  
Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd, 2017.  
ISBN 978-967-415-397-7

Pemakanan yang baik mula mempengaruhi kesihatan tubuh badan sejak daripada kecil lagi. Pemakanan memainkan peranan penting dalam mengekalkan kesihatan dan mencegah penyakit. Dengan lambakan makanan segera dan ringan yang mudah didapati menggambarkan tahap kecenderungan kesihatan rakyat Malaysia. Tambahan pula, kemunculan banyak restoran segera 24 jam yang ada di Malaysia memburukkan lagi tahap kesihatan masyarakat amnya.

Buku berjudul You're What You Eat: Your Healthy Lifestyle Guide hasil karya Chia Joo Suan seorang pakar perunding pemakanan dalam bidang nutrisi makanan. Penulis ingin membantu pembaca bagi memahami konsep pemakanan sihat mengikut tabiat pemakanan rakyat Malaysia. Penulis merumuskan bahawa makanan segera mahu pun makanan pesanan di restoran menjadi pilihan utama masyarakat kini. Tanpa memikirkan kesan jangka panjang ke atas tubuh manusia, masyarakat kini lebih gemarkan makanan yang boleh mengenyangkan dengan kadar yang segera.

Pengambilan makanan segera tersebut yang mempunyai kandungan bahan seperti kolestrol dan asid awet yang berlebihan menyebabkan masyarakat kini lebih terdedah kepada penyakit seperti kencing manis, jantung dan obesiti. Kajian telah banyak menunjukkan kekurangan zat dalam makanan tersebut telah menyebabkan kadar tidak sihat di kalangan masyarakat semakin bertambah. Para saintis masih mengkaji bahan-bahan yang digunakan dalam makanan segera dan mencari zat yang tersembunyi pada makanan tersebut walaupun kesan buruk lebih banyak ditunjukkan

Penulis menyampaikan fakta dengan cara yang mudah difahami dengan lebih banyak menggunakan gambar. Penggunaan terma dan bahasa yang ringkas dan mudah menarik minat pembaca untuk mengetahui lebih lanjut berkaitan dengan pemakanan seharian. Setiap kajian beliau terhadap gaya pemakanan manusia telah menghasilkan satu rencana yang menarik untuk dikongsi bersama pembaca.

Antara isi menarik adalah mengenai petua penyediaan makanan dan cara pemakanan seimbang. Penulis turut menyelitkan hasil kajian terhadap petai yang amat baik dalam menjaga dan memastikan kesihatan jantung manusia. Selain itu, penulis turut menyatakan pengambilan buah-buahan tropika dalam kehidupan seharian banyak membantu dari segi ketahanan sistem imunisasi tubuh manusia. Setanding dengan buah-buahan import, buah-buahan tempatan seperti nangka, longan, ciku mampu memberikan zat dan nutrisi yang tinggi kepada tubuh manusia.

Pada pendapat pengulas, bab *safety aspects of nourishing or wholesome foods* merupakan antara bab yang penting untuk disentuh kerana penulis menerangkan bagaimana kandungan nutrisi dalam makanan mempengaruhi kesihatan manusia. Sebagai satu contoh, penulis menyentuh mengenai udang yang menjadi antara makanan laut yang digemari oleh masyarakat. Seringkali udang dikaitkan dengan kolestrol dan penyakit gout namun tanggapan itu salah kerana kajian menunjukkan udang merupakan makanan yang mempunyai kandungan vitamin B dan D untuk membantu kelancaran sistem saraf manusia.


Pengulas mengesyorkan kepada pembaca yang mahu mengamalkan gaya hidup sihat melalui pemakanan yang sihat dan betul untuk membaca buku ini. Penulis tidak sekadar syok sendiri. Penulisan buku ini adalah berdasarkan beberapa hasil kajian para saintis antarabangsa bagi menguatkan lagi fakta-fakta yang diberikan. Buku ini amat berbaloi untuk dibaca demi menyelamatkan diri kita dari mendapat penyakit-penyakit yang berbahaya pada masa kini.

Pengulas

**Azfaradila binti Zainal Abidin**  
Penolong Pengarah  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



Alias Azhar

**Praktis Hibah di Malaysia**

Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia,  
2017.

ISBN 978-967-20642-13

Kesedaran rakyat Malaysia mengenai pembahagian harta pusaka masih rendah terutama melalui hibah. Hibah adalah salah satu cara pengurusan harta didalam Islam selain faraid dan wasiat. Penerbitan buku ini agak menarik dan sangat ilmiah kerana ditulis berdasarkan senario semasa berkaitan permasalahan pengurusan harta Islam di Malaysia.

Kajian mendapati kes tuntutan harta pusaka Islam di Malaysia telah mencecah sebanyak RM42 billion. Melalui buku ini penulis dapat memberikan kesedaran kepada pembaca akan kepentingan pengurusan harta yang sistematik dan berkesan untuk jangka masa panjang. Kandungan buku ini dapat membantu pembaca bagi memahami dengan lebih jelas berkenaan dengan hibah.

Kegagalan dalam memahami konsep hibah oleh kebanyakan pemilik harta dan penerima harta, akhirnya akan memberi kesan negatif terhadap kehidupan individu serta keluarga sebagai pemegang dan penerima harta seperti pertelingkahan dan

pergaduhan sesama ahli keluarga.

Buku ini ditulis untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Islam bahawa harta mereka boleh dibahagikan kepada waris yang diingini semasa mereka hidup lagi. Selain itu, buku ini turut mengupas mengenai konsep, kaedah, tatacara pengaplikasian hibah sebagai salah satu instrumen pengurusan harta yang berkesan.

Buku terbitan UUM Press ini merupakan buku wajib untuk dibaca kerana buku ini telah memenangi Anugerah Buku Negara 2016 di bawah kategori Penerbit Terbaik. Buku ini wajar dijadikan bacaan umum masyarakat dan penting rujukan pelajar jurusan kewangan, perniagaan, undang-undang dan juga kepada sesiapa yang berminat dalam bidang pengurusan harta dan kewangan Islam. Secara keseluruhan, buku ini adalah penting bagi pembacaan individu terutamanya mereka ingin memastikan pengurusan harta dibuat dengan cara yang lebih sistematik dan berkesan selaras dengan Firman Allah SWT ( al-Nisa: 132 ) yang bermaksud :

*“Dan bagi Allah jualah apa yang ada di langit dan yang ada di bumi, dan memadailah Allah sebagai pengawal “*

Kesedaran berkenaan hibah ini juga diharap dapat mengurangkan jumlah kes atau masalah yang berkaitan pengurusan harta orang Islam yang tertunggak dan memakan masa yang lama bagi menyelaraskannya.


---

Pengulas:

**Mohd Ikhmil Firdausz Bin Mohd Hanif**  
Penolong Pengarah  
Bahagian Teknologi Maklumat  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



Roha Hassan  
**Ibu Madrasah Pertamaku**  
Desa Melawati, Kuala Lumpur: Ana Muslim Sdn Bhd.,  
2015.  
ISBN 978-967-449-025-6

Ibu Madrasah Pertamaku! Begitulah indahnya tajuk buku ini. Namun ia tidak seindah kasih sebenar seorang ibu. Buku ini mampu membuatkan pembaca tersenyum disirami kasih ibu atau ketawa terkenangkan kisah lama atau menangis mengenangkan wajah ibu yang kini sudah berkedut dimamah usia atau mengalir air mata dek kerinduan pada bonda tercinta.

Buku ini adalah catatan pengalaman anak-anak yang berjaya hasil didikan daripada ibu-ibu mereka. Ibu adalah idola, ibu adalah contoh teladan, ibu adalah ratu, ibu adalah segalanya bagi mereka. Kisah-kisah yang dinukilkan menunjukkan sentuhan kasih sayang ibu mampu melahirkan insan yang cemerlang dalam kehidupan. Cerita yang dipaparkan mampu meruntun hati pembaca mengingatkan kasih sayang seorang ibu.

Artikel yang dimuatkan dalam buku ini adalah hasil penulisan 22 orang penulis yang ingin berkongsi dengan para pembaca mengenai ibu masing-masing. Banyak sekali kebaikan dalam bentuk pesanan atau perkongsian tentang ibu masing-masing untuk

kita ambil manfaatnya. Ibu yang tidak semestinya sempurna namun dalam ketidaksempurnaan mereka adalah perangsang dan peniup semangat anak masing-masing sehingga mereka menjadi mereka hari ini.

Pengalaman dan pengajaran daripada kehidupan yang lalu bersama ibu merupakan ijazah yang sangat penting untuk dijadikan benteng dalam menjalani kehidupan pada masa ini. Perkataan yang positif dan pandangan optimis daripada ibu bapa sebenarnya memberikan sokongan emosi kepada anak-anak dalam meneruskan kehidupan mereka. Dan kejayaan yang kita capai itu sebenarnya kitalah yang mendefinisikannya.

Ibu juga mengajar cara berurusan dan komunikasi berkesan dalam menjalani kehidupan. Itulah corak pendidikan ibu yang bermula dengan pendidikan asas agama, akhlak dan sosial, emosi yang kental dan tidak mudah mengalah serta mementingkan menuntut ilmu, duniawi dan ukhrawi dan tidak mengabaikan penjagaan kesihatan.

Penulis juga berpesan kepada semua ibu agar berusahalah mencipta kenangan-kenangan indah bersama anak-anak. Memori indah mewarnai kehidupan dan membina keyakinan diri anak bagi meneroka kehidupan semasa masih hidup ataupun sudah tiada. Bagi semua anak, kehadiran seorang ibu adalah anugerah yang tidak ternilai. Bimbingan, sokongan dan telinga yang sedia mendengar membantu mereka meneruskan kehidupan sehingga mencapai kematangan.

Anak-anak merupakan aset yang amat berharga. Penulis menyarankan kepada ibu-ibu muda rebutlah peluang mendidik anak-anak mereka agar dapat melahirkan anak yang soleh, kerana saham amalan soleh akan sampai kepada ibu tanpa putus hingga hari akhirat. Pendekatan ibu mendidik sebagai madrasah pertama, membina asas yang kukuh dalam mencorak kebahagian anak di dunia dan akhirat.

Kesimpulannya, penulis berasa yakin bahawa cerita yang dipaparkan mampu meruntun hati pembaca mengingatkan kasih sayang seorang ibu dengan menggambit kenangan bersama ibu tercinta. Bayangan wajah ibu yang semakin dimamah usia dalam meniti hari tua, pasti menyedarkan kita akan jasa dan pengorbanannya di saat-saat bertarung nyawa melahir dan membesar kita. Semoga buku ini memberikan impak yang positif

dalam menyuluhan kehidupan generasi hari ini. Melalui pengalaman suka duka, pahit manis dalam kehidupan, mampu mengajar kita untuk menjadi lebih matang dan dewasa dalam melewati hari-hari mendatang.

**Pengulas:**

**Nur Syazleen binti Ashah**

Bahagian Komunikasi Korporat

Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



Harith Faisal  
**Bajet Power :Simpan Dan Labur Gaya Orang Muda**  
Selangor :Galeril Imu Sdn Bhd, 2017  
ISBN 978-983-097-641-9

Anak muda terutama graduan yang baru sahaja menjepakkan kaki ke zaman pekerjaan biasanya akan mengalami masalah pengurusan kewangan. Tersepit dengan terminologi keperluan vs kehendak mengakibatkan mereka culas dalam hal melibatkan pemilikan aset dan sebagainya. Wang bukanlah segalanya di dunia namun jika tiada wang masalah akan mengekori. Buku ini adalah buah tangan penulis kepada anak muda yang baru mengenal realiti sebenar kehidupan apabila anak muda pertama kali memegang duit gaji.

Buku berjudul Bajet Power: Simpan Dan Labur Gaya Orang Muda ini amat bertepatan dengan dengan judul yang diberikan. Buku ini memang sesuai dengan jiwa anak muda kerana ditulis secara santai, sentap dan sempoi untuk anak muda yang sedang mencari jalan memiliki rumah pertama, hala tuju kewangan dan kehidupan yang lebih baik.

Buku ini mengajar kita ketekunan dalam urusan dunia seolah-olah kita akan hidup selama-lamanya, beramallah dalam urusan akhirat seolah-olah kita akan mati esoknya, biar seimbang dunia akhirat kita. Hidup kita ini tiada skrip jawapan yang kita mesti ikut. Ada orang sanggup susah-susah dahulu, senang-senang kemudian. Ada orang nak senang-senang dahulu dan mengharapkan boleh senang sampai bila-bila.

Penulis sentiasa menekankan kepentingan menabung seawal usia. Itu adalah tips kewangan yang harus diserap oleh remaja. Mulakan menabung, jangan tunggu ada duit lebih baru menabung. Ubah kepada langkah yang lebih baik apabila dapat gaji simpanlah 10 hingga 30 peratus dan juga jangan mengharap kepada gaji hakiki. Cara untuk mengurus kewangan bukanlah hanya dengan berjimat dan bijak berbelanja, tetapi kena juga usaha tambah pendapatan. Cari sumber pendapatan kedua dan ketiga sebagai persediaan hari tua.

Pada pendapat pengulas dalam bab ke enam, penulis dengan berhemah sekali telah menerangkan konsep beli jika mampu dan elakkan membeli secara berhutang. Penulis juga telah mengemukakan statistik mengenai kemuflisan yang dialami oleh anak muda terutama lepasan graduan yang terjebak dengan hutang kad kredit. Penulis menekankan sekiranya ingin memiliki sesuatu belajarlah menyimpan dahulu serta elakkan memiliki sesuatu yang diluar kemampuan.

Antara nasihat yang amat meninggalkan kesan di hati pengulas adalah apabila penulis menasihati anak muda agar tidak terlalu bermewah-mewahan, berbangga dengan apa yang dimiliki dan jangan sentiasa mengejar trend. Bila nafsu menguasai diri segala ilmu pengurusan kewangan tidak berguna. Buku ini harus dimiliki oleh mereka yang baru mula bekerja, mahu berkahwin tapi belum ada simpanan serta mereka yang risau akan terjebak dengan masalah kewangan.


Buku ini amat sesuai untuk golongan muda yang inginkan bahan bacaan kewangan yang lain daripada yang lain agar menjadi inspirasi kepada kita semua untuk mengurus kewangan dengan betul dan membeli rumah di usia muda.

**Pengulas:**

**Zainor Kamarul Basahidin**  
Penolong Pustakawan Kanan  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



Roza Roslan  
Muhd. Kamil Ibrahim  
**Disebalik Tembok Yahudi :**  
**Ada Damai Di Al-Aqsa**

Petaling Jaya, Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2017.  
ISBN 978-983-097-650-1

Palestin, bumi bertuah dan penuh keberkatan. Tanah suci ini sangat istimewa dan keberkatan bumi ini berulang kali disebut dalam Al-Quran dan Hadis. Di sinilah bertapaknya sebahagian besar para anbiya dan para mursalin. Di sini jugalah menyaksikan perjuangan dan ketabahan para pendokong kebenaran dan penegak keadilan hak orang Islam sehingga hari kiamat.

Kita sering dimomokkan media massa Zionis Yahudi bahawa Palestin bukan persekitaran yang menjadi pilihan untuk dikunjungi. Malahan Malaysia turut tidak mengiktiraf passport untuk ke negara "Israel". Namun kuasa Allah mengatas segalanya dan memungkinkan sesuatu yang mustahil berlaku jika kita niat dan yakin kepadaNya. Begitulah pengalaman penulis yang berpeluang untuk bermusafir ke Al-Aqsa. Peluang ini tidak lagi menjadi keputusan yang dipertikaikan malahan ianya membuka pintu hati untuk melihat kehebatan dan kebesaran kuasa Allah dengan penuh tawaduk.

Bagi pembaca yang ingin mengetahui kisah penduduk Palestin, buku ini memaparkan sejarah kegemilangan Masjid Al-Aqsa dan travelog perjalanan ini sangat menarik dan sesuai dijadikan panduan dan pembakar semangat kepada pembaca yang ragu-ragu untuk mengembara ke bumi Palestin. Disebalik pergolakan rakyat Palestin dibawah pemerintahan kejam Yahudi Zionis, masih ada kedamaian dirasa apabila berpijak dan dapat sujud di dalam Masjid Al-Aqsa. Penulis turut menyelitkan beberapa potongan hadis dan ayat Al-Quran yang berkaitan dengan kejadian yang boleh menimbulkan keinsafan dan kebenaran dengan ayat-ayat Allah.

Bagi pandangan pengulas, elemen paling penting yang dibangkitkan dalam penulisan ini adalah berkaitan menjaga hubungan kita dengan Allah. Walaupun berada di bumi yang barakah, penulis merasa terkilan apabila melihat masjid-masjid di Palestin bilangan jemaah yang hadir untuk menunaikan solat lima waktu sangat berkurangan. Seharusnya dalam keadaan getir, apatah lagi ketika sedang berjuang mempertahankan agama dan bumi tanah air, hubungan dengan Allah perlu diperkuuhkan. Apapun sebagai saudara sesama Islam, kita dianjurkan untuk sentiasa berdoa dan berpesan ke arah kebaikan sebagaimana yang disebut oleh Allah.

Penceritaan yang disampaikan oleh penulis sangat menarik dan membuatkan diri bagaikan berada bersama dan merasa sendiri pengalaman berada di Palestin. Penyampaian ceritanya jelas dan tidak berselindung dan memaparkan perasaan telus penulis. Kedamaian dan ketenangan penduduk yang hidup bersederhana namun sangat menghargai tetamu, kanak-kanak yang berlari ceria ke sekolah seolah tiada bahaya yang perlu ditakuti dan yang menakjubkan adalah semangat rakyat semua lapisan masyarakat dalam memperjuangkan dan mempertahankan Al-Aqsa demi seluruh umat Islam. Seperti di dalam petikan di muka surat 120,

“Setiap kali nampak anak-anak ini serta-merta kami mengeluarkan wang kecil USD1 untuk dihadiahkan kepada mereka. Kami hulurkan bersekali dengan senyuman. Allah ya Allah ... kami terperanjat. Ada menyambut pemberian kami, namun kebanyakan kanak-kanak ini menolak.

**“La’ la’ ... kami tidak mahu wang tetapi doa tuan. Doakan Masjidil Aqsa agar terus di**

**dalam jagaan orang Islam.”**

Disebalik tembok Yahudi: Ada Damai di Al-Aqsa. Pilihan untuk pembaca yang sukakan pengembaraan dan kisah realiti kehidupan.

**Pengulas:**


**Nur Azidah Bt Azizan**

Penolong Pengarah

Bahagian Teknologi Maklumat

Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



Muhammad Shah Ahmad Nor  
**Pesan Hamka Kepada Pendidik**  
Kajang, Selangor: Jejak Tarbiah Resources, 2017. ISBN  
9789671476420

Buku bertajuk Pesan Hamka Kepada Pendidik adalah hasil tulisan Muhammad Shah Ahmad Nor, seorang eksekutif di Petronas yang mempunyai kecenderungan dalam bidang pendidikan. Menerusi buku ini penulis cuba mendekatkan pembaca dengan seorang tokoh pemikir Islam Nusantara iaitu Buya Hamka.

Penulis mulai cenderung dalam bidang pendidikan selepas menyertai Lawatan ke Indonesia mengikut program Jejak Hamka bersama Komuniti Jejak Tarbiah. Melalui buku ini penulis menyingkap kisah hidup Buya Hamka., latar belakang keluarganya serta hasil karyanya dalam konteks yang lebih kontemporari. Hal ini sesuai dengan ketokohan Hamka yang mencakupi pelbagai bidang, dari hal fiqh, tafsir, ayah sehingga kepada menjadi pendidik.

Pada pendapat pengulas, isi kandungan buku ini bertujuan untuk memupuk rasa cinta dan ikhlas dalam kalangan pendidik supaya proses pendidikan lebih berkesan. Penulis menjadikan contoh Rasullullah SAW dalam mendidik dan menyampaikan ajarannya

sebagaimana diketengahkan oleh hasil tulisan beliau.

Bagi mereka yang bergelar pendidik buku ini amat penting dalam memberikan halatuju pendidikan bagaimana menangani keranah pelajar. Penulis turut menegsyorkan supaya pendidik mengambil contoh Buya Hamka yang sentiasa cintakan ilmu dan tidak pernah berhenti mencari ilmu sepanjang hayatnya. Cinta Hamka kepada buku bermula semasa belasan tahun lagi. Rihlah ilmiah Hamka diteruskan lagi ke Tanah Jawa sehingga ke Kota Mekah atas dasar keinginan untuk bertemu dengan ulama yang pernah mendidik ayahnya.

Penulis menyampaikan nasihat Hamka ini dalam bentuk naratif supaya pembaca lebih mudah membayangkan setiap perkara yang ingin disampaikan oleh penulis dengan gaya bahasa yang digunakan juga mudah dan ringkas.

Antara nasihat Hamka yang amat memberi kesan mendalam terhadap pengulas walaupun bukan bergelar seorang pendidik adalah apabila Hamka menyeru agar pendidik sentiasa dekat dengan Allah dan sentiasa meminta agar dikurniakan rasa kasih pada si anak didik dengan adil. Hubungan kasih antara seorang murabbi dan anak didik bakal meningkatkan prestasi pembelajaran anak didik bukan sahaja dalam bidang akademik, tetapi juga pada perkembangan sahsiah mereka.


Semoga dengan membaca buku ini para pendidik bukan sahaja guru tetapi ibu bapa juga dapat mengaplikasikan cara didikan Hamka kepada anak-anak.

**Pengulas:**

**Ummi Syarni bt Rifaie**  
Penolong Pengarah  
Bahagian Teknologi Maklumat  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



Abdul Latip Talib  
**Salman Al-Farisi : Pahlawan Islam dari Parsi**  
Kuala Klawang, Negeri Sembilan: Latip dan Keluarga Enterprise, 2017.  
ISBN 9789671460634

Nama Salam Al-Farisi cukup dikenali semasa zaman pemerintahan Rasulullah S.A.W. Walaupun beliau bukanlah tergolong dalam 10 sahabat yang dijanjikan syurga, namun kewibawaan serta kezuhudan beliau dalam Islam amat disanjung tinggi oleh sahabat-sahabat Rasulullah S.A.W yang lain. Beliau asalnya lahir dari golongan bangsawan dan hartawan dari Parsi. Kehidupan beliau yang sentiasa ingin mencari kebenaran agama membawa beliau berhijrah dan merantau sehingga akhirnya beliau bertemu dengan Rasulullah di Madinah.

Buku berjudul Salman Al-Farisi: Pahlawan Islam dari Parsi ini berkisarkan riwayat hidup seorang yang amat dekat dengan Rasulullah S.A.W.. Beliau sanggup menjadi seorang hamba semata-mata ingin bertemu dengan seorang utusan akhir zaman. Buku ini tidak berkisar tentang Salman Al-Farisi semata-mata, tetapi lebih menjelaskan tentang kehidupan semasa dizaman kerasulan Nabi Muhammad S.A.W. Penceritaan bermula dari kehidupan Salman Al-Farisi sebagai penjaga api di kuil tempat pemujaan orang-orang Parsi. Ketika itu beliau adalah seorang pengikut agama Nasrani kerana terpikat dengan

cara sembahyang mereka yang beliau dapat lebih baik dari agama beliau sebelum ini. Penulis menyampaikan kisah ini dalam bentuk gaya naratif supaya pembaca dapat menghayati kisah yang ingin disampaikan. Bahasa yang digunakan juga mudah dan ringkas tanpa menggunakan sebarang ayat kiasan. Walaupun berbentuk novel, penulis turut menyokong setiap peristiwa dengan petikan hadis dan ayat dari Al-Quran.

Antara isi yang dapat menarik pembaca adalah rentetan sejarah penghijrahan Salman dari semata-mata untuk bertemu Rasullah S.A.W. Salman tetap utuh dengan pendirian beliau untuk bertemu dengan Rasul akhir zaman walaupun pelbagai seksaan dikenakan terhadap beliau daripada tuannya. Beliau menjadikan Bilal bin Rabah sebagai pembakar semangatnya untuk bertemu Rasullah.

Bagi pembaca yang meminati sejarah Islam, buku ini turut menceritakan beberapa kisah perang antaranya Perang Uhud dan Perang Khandaq. Penulis dengan cara yang mudah telah menyebut dan menjelaskan taktik-taktik peperangan yang digunakan. Salman Al-Farisi juga telah memainkan peranan yang penting ketika berlakunya Perang Khandaq. Ketika itu, beliau telah mencadangkan supaya kaum Muslimin menggali parit di sekeliling Kota Madinah yang sedang diancam oleh tentera Musyrikin Makkah serta kaum Yahudi. Atas cadangan Salman, tentera Islam berjaya bertahan dari Kota Madinah dan Abu Sufyan Al-Harb selaku ketua pihak Musyrikin ketika itu telah mengepung daerah pertahan Madinah dengan anak buahnya selama sebulan. Mereka terpaksa berundur setelah kehabisan bekalan makanan selain bantuan daripada Allah yang telah menurunkan taufan hanya dikawasan mereka.

Salman yang digambarkan dalam buku ini adalah seorang tokoh yang paling menonjol serta sangat disayangi Rasullah S.A.W. disebabkan keberanian, keikhlasan serta sifat zuhudnya terhadap kesenangan dunia. Salman Al-Farisi juga terkenal sebagai seorang mukmin yang kuat beribadat, bersifat rendah diri dan tidak tertarik pada kemewahan dan kesenangan. Salman Al-Farisi juga digambarkan sebagai seorang yang sangat amanah dalam kerja dan kuat kerana ramai pedangan yang mahukan Salman menjadi hamba mereka.

Pada pendapat pengulas, bab terakhir amat berkesan di hati kerana pad abab ini mengandungi kisah-kisah sebelum kematiannya. Semasa di saat kematiannya Salman merupakan seorang gabenor yang sangat berpengaruh, namun beliau tidak langsung mempergunakan kuasa yang diberikan kerana pada saat kematiannya beliau sangat daif kerana ketiadaan langsung makanan dan air. Ahli keluarga beliau terpaksa mengikat perut dan Rasulullah S.A.W. menasihati Salman untuk bersyukur, bertawakal dan menyerahkan segalanya di tangan Allah S.W.T.


Pengulas mengesyorkan kepada pembaca yang meminati sejarah kerasulan, untuk membaca buku ini. Buku ini juga tidak berbentuk fiksyen semata-mata kerana penulis merujuk beberapa sumber ilmiah bagi menguatkan fakta-fakta dalam buku ini. Tambahan pula, buku ini sesuai dibaca pada semua peringkat usia kerana cara penyampaiannya yang bersahaja.

**Pengulas:**

**Izlin Binti Ahmad**  
Penolong Pengarah  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




Roza Roslan  
**Amirul Budak Sudan**  
Petaling Jaya: Galeri Ilmu.  
2017.  
ISBN 9789830976518

Buku yang sangat menarik, kerana pengisian yang penuh dengan ilmu pengetahuan. Berkisah kepada kehidupan seorang remaja yang dihantar oleh kedua ibu bapanya ke negara Sudan untuk belajar bahasa Arab, iaitu bahasa al-Quran tetapi beliau telah berjaya memperoleh ilmu akhirat dan sekali gus ilmu dunia. Semasa belajar di Sudan, beliau telah menjadi pelajar yang cemerlang kerana usaha, kesungguhan dan nekad beliau untuk menjadi yang terbaik. Kebijaksanaan dan pandai menyesuaikan diri telah menarik perhatian guru-guru dan orang-orang yang berada di sekelilingnya. Minat yang mendalam dalam bidang masakan, pada mulanya telah memberi sedikit kekecewaan kepada kedua ibu bapanya, namun setelah tamat pengajian kulinarnya, beliau telah mendapat tawaran membuat praktikal di sebuah hotel enam bintang di Dubai atas kelebihan beliau pandai berbahasa Arab. Itulah perancangan Allah S.W.T. untuk hambanya yang tidak boleh dijangka oleh sesiapa pun. Isi kandungan yang mudah difahami dan diolah dalam bentuk santai membuat buku ini sesuai dibaca oleh semua peringkat umur.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



Ustaz Haslin Baharim &  
Nordin Jaafar  
**Teori Adam & Hawa:**  
**Rahsia Ilmu 'Kenal'**  
**Kunci Kebahagiaan**  
**Hidup Manusia**  
Kuala Lumpur : Inteam  
Publising. 2017.  
ISBN 9789670326511

Setiap makhluk yang ada di muka bumi ini mahukan kebahagiaan. Kebahagiaan perlu dicipta agar ianya dapat direalisasikan dan diterjemahkan untuk dinikmati. Menentukan bahagia atau tidak, ianya terletak ditangan kita sendiri. Setiap rumah tangga mahukan bahagia, tetapi apa yang perlu dilakukan adalah antaranya sentiasa ikhlas kerana para solihin dahulu menyatakan ikhlas adalah sumber kekuatan diri. Penulis turut menjelaskan bahawa untuk mendapatkan kebahagiaan, hambanya perlu mengenali penciptanya iaitu Allah S.W.T. Penulis turut memberi beberapa tips dan panduan berguna yang perlu diamalkan oleh para suami dan para isteri dalam membina kebahagiaan dan mengekalkan kebahagian. Menyelitkan contoh berunsur humor dalam bentuk dialog telah memberi kelainan kepada isi kandungan buku ini. Perlu dimiliki oleh semua Istitusi keluarga Muslim.

## SINOPSIS BUKU




Dr. Prahlad K. Sethi  
**Perubatan Pendapat Kedua: Bagaimana, Bila Dan Mengapa**  
Negeri Sembilan: Penerbit USIM. 2016.  
ISBN 9789674604868

Pengalaman, pemerhatian dan institusi yang hebat sebagai seorang doktor telah memberi ilham kepada penulis untuk membukukannya. Sebagai seorang yang pakar dalam bidang neurologi, penulis cuba menjelaskan bahawa pesakit boleh mendapatkan pendapat kedua berkaitan penyakit yang dihidapinya. Begitu juga dengan para doktor yang dikatakan sering mendapatkan pendapat kedua tentang pesakit mereka dari doktor yang lain. Hubungan doktor dengan pesakit hendaklah terbuka, doktor tidak perlu ego dengan keputusan yang diambil supaya pesakit tidak mengalami tekanan. Pesakit perlu tahu bahawa doktor yang bijak dan baik akan mendapatkan sejarah yang terperinci dari pesakit dengan meneliti pelbagai persoalan yang mendalam tanpa apa-apa ujian. Pelbagai cadangan dan saranan oleh penulis turut dimuatkan dalam buku ini. Penulis menyaran kepada pengamal perubatan, doktor umum dan pakar serta orang awam untuk memiliki buku ini.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



Abdul Rahim Ramli  
**Kemahkotaan Dymm Sultan  
Ibrahim Sultan Johor**  
Johor Baru: UTM. 2017.  
216ms.  
ISBN 9789674604974

Peristiwa bersejarah Kemahkotaan Sultan Johor adalah pada 10 Februari 1960 ke atas Sultan Ismail. Ianya istimewa bagi Kesultanan di negeri Johor kerana Johor adalah satu-satunya negeri Melayu yang mewujudkan mahkota untuk rajanya. Ianya berlainan daripada tradisi pertabalan raja-raja Melayu. Buku ini yang memuatkan perihal latar belakang dan persiapan istiadat Kemahkotaan DYMM Sultan Ibrahim Johor, mencatatkan pemikiran, nasihat dan keprihatinan baginda Sultan dalam menjayakan peristiwa kemahkotaan baginda agar peristiwa ini menjadi suatu peristiwa yang akan diingati sampai bila-bila oleh rakyat Johor. Buku yang sangat bernilai ini perlu dimiliki oleh pelajar dan pembaca umum kerana ianya mengandungi rakaman sejarah dan peristiwa penting kemahkotaan tersebut.

## SINOPSIS BUKU




Syeaikh Muhammad  
Abdul Sattar At-Tunisawi  
**Batilnya Akidah Syiah**  
Kuala Lumpur: Inteam  
Publishing, 2013.  
ISBN 978-967-0326-57-3

Buku terjemahan ini merungkai mengenai fahaman Syiah yang berasal dari Negara Iran. Fahaman ini mula berkembang di Malaysia pada tahun 1980-an, tetapi pada awal tahun 2012 umat Islam di Malaysia telah sedar akan bahayanya fahaman Syiah tersebut. Penyebaran terhadap kebatilan fahaman Syiah ini telah menjadikan para pendakwah dan para ilmuan bersungguh-sungguh untuk memberi penjelasan kepada masyarakat Islam yang berpegang kepada Ahli Sunnah wal Jamaah agar menjaga akidah dan memelihara keimanan mereka. Golongan Syiah ini menisbahkan akidah mereka kepada Sayidina Ali dan keluarganya. Buku ini akan menjelaskan kepada pembaca secara ringkas terhadap kesesatan yang dilakukan oleh golongan Syiah ini, antaranya ialah akidah menyekutukan Allah S.W.T. seperti fahaman Yahudi, Nasrani dan kaum Musyrikin. Sebagai umat Islam yang berpegang kepada Ahli Sunnah wal Jamaah, amat perlu untuk membaca buku ini supaya akidah dan iman yang sebenarnya dapat dikenalkan.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




Adzhar Ibrahim  
**Himpunan 60 Kisah Jenaka**  
Petaling Jaya, Selangor:  
Galeri Ilmu Sdn. Bhd,  
2016. 149ms.  
ISBN 978-983-097-525-2

Mengisahkan seorang tokoh ilmuan sufi dari Turki yang luas ilmunya iaitu Mullah Nasreddin Hodja. Seorang ahli falsafah yang cerdas lagi bijaksana namun berpewatakan kelakar. Gemar menggunakan gaya santai, bersahaja dan disulami unsur humor dalam setiap penyampaian ceramah beliau bagi membuka minda orang ramai agar memahami apa yang disampaikan dengan mudah dan lebih berkesan lagi. Kisah beliau begitu masyhur dan tersebar di serata dunia dan meniti di bibir pelbagai lapisan rakyat meliputi Tanah Parsi, Arab, Afrika, termasuk di Jalur Sutera dari China ke India, malahan sehingga ke Eropah. Buku yang menghiburkan ini menghimpun 60 kisah jenaka berdasarkan kisah beliau yang mencuit hati namun penuh dengan maksud yang tersirat.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



Muhadir Haji Joll  
**Langkah Memahami  
Bid'ah**


Petaling Jaya, Selangor:  
Galeri Ilmu Sdn. Bhd,  
2017.

ISBN 978-983-097-661-7

Buku ini dihasilkan berdasarkan pengalaman penulis dalam mengendalikan daurah kitab di seluruh pelosok negara. Penulis menekankan betapa pentingnya untuk memahami makna bid'ah dari segi bahasa dan istilah serta pembahagiannya mengikut kaca mata ulama ushul. Terdapat 8 langkah utama yang telah diuraikan satu persatu agar pembaca lebih memahami apa itu bid'ah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Pemahaman yang benar dan mendalam tentang bid'ah adalah rahsia kesatuan dan keharmonian di antara para ulama. Bacaan ini sesuai sekali bagi pembaca khususnya penuntut ilmu dan pendakwah untuk menyelami keindahan Islam dan ajarannya dengan memahami bid'ah secara benar dan mendalam.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



Web Sutera  
**Raja Kesatria Hijab Raja Zulqarnain**  
Petaling Jaya, Selangor:  
Buku Puris, Galeri Ilmu Sdn. Bhd, 2017.  
ISBN 978-983-097-658-7

Merupakan sebuah novel fiksyen sejarah mengenai pengembaraan seorang pemimpin terulung Alexander The Great dari Macedonia yang diceritakan dari kaca mata Islam. Kisah watak bernama Zamri yang mengembara merentasi masa ketika berada dalam keadaan tidak sedarkan diri. Novel ini penuh dengan pengembaraan, perperangan serta penekanan mengenai kepercayaan Tuhan Yang Esa. Perluasan empayar dilakukan secara tolak ansur oleh Alexandar, bahkan turut menghormati kepercayaan manusia lain dan tiada paksaan dalam beragama. Rumah ibadat anutan agama lain tidak dirosakkan, malahan dibina semula. Tawanan perang dilayan dengan baik namun pengkhianat harus dihukum dengan keras. Pembaca ibarat dibawa kembali ke zaman itu serta menyelami ke dunia Alexander, merasai keteguhan iman dan ketulusan hatinya sebagai pemerintah berjiwa rakyat. Sebuah novel sejarah yang menarik dan hebat kerana tersimpan pengajaran dan tauladan yang baik khususnya dalam aspek kepimpinan.

## SINOPSIS BUKU




Mohamed Khaled Nordin  
**Membongkar Potensi dan Bakat**

Nusajaya, Johor: Unit Media  
dan Komunikasi, 2017.  
ISBN 978-983-43671-4-5

Sebuah himpunan ucapan terpilih YAB Menteri Besar Johor, Dato' Mohamed Khaled Nordin sepanjang tempoh tiga tahun pertama beliau memimpin negeri Johor semenjak Mei 2013. Himpunan ucapan dalam buku ini turut diangkat menjadi Siri Koleksi Pemikiran Khaled Nordin yang banyak memberi penekanan khusus tentang aspek pendidikan dan kemasyarakatan. YAB bertekad menyemarakkan semangat rakyat dalam memelihara dan menghargai warisan budaya dan bangsa bagi memastikan Bangsa Johor mempunyai jati diri bangsa yang utuh. Turut diketengahkan juga tentang misi dan visi YAB dalam usaha membongkar potensi dan bakat rakyat demi memartabat Bangsa Johor dan seterusnya menjadikan Johor sebuah negeri yang maju serta berpotensi menjadi Pusat Tamadun Melayu Nusantara.

## SINOPSIS BUKU



Azzah AR  
**Nota Perempuan Backpacker**  
Nuun Creative Books,  
2017.  
ISBN 978-967-14110-1-8

Pengalaman sebenar pengembalaan tegar ke 25 buah negara telah dikongsikan oleh penulis di dalam buku yang menarik ini. Antara negara yang dilawati beliau adalah Australia, Filipina, India, Mesir, Korea Selatan, Jepun, Indochina dan sekitar negara Eropah. Penulis banyak berkongsi tips dan catatan-catatan ringkas untuk dijadikan panduan dan makluman untuk tatapan pembaca. Aspek keselamatan semasa melancong amat dititiberatkan oleh penulis. Misalnya berkaitan insuran perjalanan, pentingnya berhubung dengan pihak kedutaan, tips penggunaan kad kredit dan kepentingan penyimpanan paspot. Pengembala juga harus bijak menyesuaikan diri di setiap tempat yang dilawati dan harus menghormati adat serta budaya setempat. Membuat sedikit kajian sebelum mengembala tentang tempat yang ingin dilawati dan membuat itinerari lawatan juga akan banyak membantu pengembala dari segi menjimatkan kos dan masa lawatan. Bacaan ini sesuai untuk dijadikan panduan dan inspirasi untuk bakal dan para pengembala.


## SINOPSIS BUKU



Hasanah Abd. Khafidz  
**Pentafsiran Asnaf Zakat:  
Di Malaysia Mengikut  
Masa dan Tempat**  
Nilai, Negeri Sembilan :  
Penerbit USIM, 2017.  
ISBN 978-967-440-356-0

Buku ini membincangkan kaedah penilaian semula dan penyesuaian pentafsiran "asnaf lapan" di Malaysia. Ia merujuk kepada kriteria yang ditetapkan oleh para fuqaha agar dapat memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat di negara ini. Perubahan hukum kerana perubahan faktor masa dan tempat tidak terkecuali dalam masalah pentafsiran asnaf lapan. Hal ini mungkin tidak dapat diterima oleh sesetengah pihak lantaran asnaf lapan sebagai penerima zakat telah pun dinyatakan dengan jelas dalam Al-Quran. Penggunaan mazhab tertentu pula hendaklah dihormati untuk mengurangkan perselisihan pendapat dan kekeliruan dalam menangani masalah pengagihan zakat. Pentafsiran asnaf lapan di Malaysia hendaklah diluaskan skopnya berdasarkan pentafsiran fuqaha klasik dan realiti keperluan semasa dan setempat. Ia juga perlu diselaraskan bagi setiap negeri di negara ini.


## SINOPSIS BUKU



Khadijah Md. Khalid  
**Johor Dalam Konteks  
Ekonomi Global**  
Kuala Lumpur : Penerbit  
UM, 2017.  
ISBN 978-983-100-886-7

Buku ini adalah sebahagian daripada hasil penemuan kajian bertajuk "Impak Perubahan Demografi ke atas Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Majoriti Negeri Johor : Isu Serta Cabaran Masa Kini dan Hadapan". Ia cuba menjawab beberapa persoalan utama antaranya, sejauh manakah pembangunan ekonomi di sesebuah kawasan/wilayah benar-benar memberikan pulangan ekonomi kepada masyarakat tempatan contohnya peluang pekerjaan dan sumber pendapatan. Malah buku ini turut meninjau peluang pekerjaan yang wajar diwujudkan dan diperlukan oleh industri tertentu (sama ada industri utama atau sokongan) dalam sesebuah kawasan pembangunan ekonomi yang pesat di seluruh negeri Johor, dan di luar kawasan Wilayah Iskandar Malaysia. Buku ini akan dapat membantu kerajaan dan masyarakat negeri Johor dalam menggubal dan melaksana polisi dan program yang lebih holistik dan mampu menjamin kelangsungan masyarakat majoriti negeri tersebut dalam konteks global yang semakin mencabar.


## SINOPSIS BUKU



Abdul Kadir Hj Ismail  
**Sistem Pusaka Islam**  
Kuala Lumpur : Yayasan  
Dakwah Islamiah Malaysia,  
2016.  
ISBN 978-983-9878-00-4

Ilmu pusaka dan faraid amat penting dan perlu diketahui oleh setiap individu Islam demi untuk memelihara daripada melakukan kesilapan dalam pembahagian pusaka dan memakan harta antara satu sama lain secara batil dan tidak benar. Ia merupakan satu sistem yang memberi jaminan hak menerima pusaka kepada tiap-tiap individu yang menjadi waris menurut keadaan dan kelayakan masing-masing dengan tidak menyingkirkan seseorang waris itu daripada menerima pusaka kerana kelemahannya. Buku ini juga menerangkan dengan jelas akan kedudukan sistem pusaka dalam Islam dengan membawa pendapat-pendapat ulama dan dalil-dalil bagi perkara-perkara yang khilaf dalam Mazhab Syafie menjadi mazhab yang diikuti oleh sebahagian besar umat di Malaysia. Buku ini boleh dijadikan panduan dan rujukan yang berguna kepada para pembaca khususnya golongan pelajar, mahasiswa dan mereka yang menyedari akan tanggungjawab untuk melengkapi diri dengan kefahaman Islam yang luas dan sempurna.

## SINOPSIS BUKU




**Di Sebalik Tabir  
Rumahtangga : Koleksi  
Kes-Kes Runding Cara**  
Kuala Lumpur : Jabatan  
Agama Islam Wilayah  
Persekutuan (JAWI), 2017.  
ISBN 978-967-5544-94-1

Buku ini merupakan himpunan daripada pelbagai contoh sesi runding cara yang telah dijalankan oleh pegawai-pegawai runding cara yang berkemahiran dan berpengalaman dalam mengendalikan hal ehwal pengurusan kekeluargaan. Sesi runding cara ini diolah dengan permasalahan rumah tangga serta susunan jalan penyelesaian berdasarkan kepada hukum syara', lunas-lunas syariat dan undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Permasalahan ini adalah sesuatu yang perlu diberi perhatian dan mereka yang terlibat dalam kancah perkelahian rumah tangga ini perlu dibantu. Buku ini boleh dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada pelbagai lapisan masyarakat yang ingin mengetahui asam garam dan rencah dalam kehidupan rumah tangga. Ia bukan sahaja menceritakan masalah kekeluargaan yang dihadapi bahkan mempunyai jalan penyelesaian dan iktibar.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



Abdul Qadir Umar  
Mauladdawilah  
**Tarim : Kota Sejuta Wali**  
Kuala Lumpur : Inteam  
Publishing Sdn Bhd, 2014.  
ISBN 978-967-0326-64-1

Buku ini menceritakan mengenai Kota Tarim yang wujud sejak abad ke-13 sebelum Masihi, dan wilayah ini termasuk daerah kekuasaan Kerajaan Saba'. Sumber mengatakan nama Kota Tarim diambil dari nama penguasa yang membangun kota tersebut iaitu Tarim bin Hadramaut. Kota Tarim ini telah digelar sebagai Ibu Kota Budaya Islam pada tahun 2010 disebabkan terdapat banyak madrasah, ma'ahad dan perpustakaan yang menjadi tempat pengajian ilmu bagi para pelajar dalam dan luar negeri, sejak dahulu sehingga sekarang. Dalam penyusunan buku ini, beberapa kaedah pengumpulan data digunakan oleh penulis seperti membuat kujungan ke Kota Tarim, merujuk maklumat dalam buku, pencarian maklumat di laman sesawang sebagai rujukan dan menemubual penduduk tempatan berketurunan Tarim seperti pelajar yang telah pulang dari menuntut di Kota Tarim.

## SINOPSIS BUKU



Ahmad Abdul Aziz Al-Mazini  
**Panduan Mengeluarkan Zakat : Satu Cabaran**  
Bandar Baru Bangi,  
Selangor : Perastuan  
Bekas Mahasiswa Islam  
Timur Tengah,  
2016.  
ISBN 978-967-0685-85-

Zakat merupakan rukun Islam yang kelima yang diwajibkan ke atas orang-orang Islam. Selain merupakan salah satu ibadat, ia juga merupakan salah satu cara yang berkesan yang ditetapkan oleh Islam dalam membela kebijakan dan menegakkan jaminan keadaan sosial dalam masyarakat. Buku ini memberikan gambaran serta kefahaman kepada masyarakat Islam tentang kewajipan zakat, harta-harta yang diwajibkan zakat, bagaimana cara untuk mentaksirkan kadar zakat yang dikenakan, syarat-syarat wajib zakat, kadar zakat yang perlu dikeluarkan serta masalah lain yang berkaitan dengan kewajipan zakat. Selain itu, buku ini juga menghuraikan dengan cara yang panjang lebar tentang jenis-jenis harta yang dikenakan zakat, tidak sahaja ke atas tanaman, buah-buahan, ternakan, emas perak. Pendapatan yang diperolehi oleh seorang dari pekerjaannya, sama ada sebagai pekerja di sektor kerajaan, swasta atau bekerja sendiri.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



Anjali Arora  
**5 Langkah Untuk  
Memerangi Asma Alergi**  
Kuala Lumpur: Penerbit  
UTM Press, 2016.  
ISBN 978-967-340-748-6

Alergi menyebabkan anda bersin dan batuk pada suatu masa, dan mengakibatkan tindak balas yang teruk pada masa yang lain. Penyakit asma terbahagi kepada beberapa jenis dan tahap yang berbeza. Penyakit ini bermula dengan sesak nafas dan dehitian yang sekali-sekala berlaku sehingga kepada kesukaran bernafas yang teruk dan penurunan paras oksigen dalam darah. Maklumat tentang jenis alergi yang berbeza dan langkah-langkah untuk mengenal pastinya turut dibincangkan dalam buku ini. Selain itu, buku ini turut membincangkan cara asma diurus dan dirawat dengan bantuan langkah berjaga-jaga dan rawatan perubatan yang betul. Gambar yang bersesuaian turut disertakan bagi memudahkan kefahaman pembaca terhadap topik-topik yang dibincangkan di dalam buku ini.

## SINOPSIS BUKU




Sakinah Abu Bakar  
**Maulud Jawi Sebagai  
Tradisi Kesenian Melayu**  
Kuala Lumpur: Dewan  
Bahasa dan Pustaka,  
2016.  
ISBN 978-983-49-0613-9

Buku ini membicarakan tentang Maulud Jawi yang merupakan selawat pujian ke atas Muhammas S.A.W. Buku ini mengupas dan memahami struktur serta persembahan maulud Jawi yang menyentuh aspek tema, plot, perwatakan, kekuatan kreativiti, penggunaan bahasa, dan teknik penyampaian teks. Selain itu, buku ini turut mengandungi perbincangan mengenai asal-usul kesenian ini, pengaruh daripada tradisi kepenyairan dunia Islam aspek sejarah perkembangan serta fungsinya dalam masyarakat. Maulud Jawi ternyata mempunyai peranan yang tersendiri, khususnya dalam hubungannya dengan agama Islam. Sesungguhnya penghayatan terhadap inti pati Maulud Jawi dapat menguatkan rasa kecintaan kepada Nabi Muhammad S.A.W dan Allah S.W.T.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




Dr. Syed Ismail Syed  
Mustapa & Ahmad Subki  
Miskon  
**Budaya dan Pembelajaran**  
Selangor: Sasbadi Sdn.  
Bhd., 2016.  
ISBN 978-983-59-8253-8

Sistem pendidikan di Malaysia telah mengalami penambahbaikan yang besar, khasnya dari aspek kualiti pendidikan pelajar. Para guru mempunyai tanggungjawab yang semakin besar dalam mendidik dan menarik minat pelajar mencintai ilmu pengetahuan. Seorang guru perlu melengkapkan diri dengan ilmu P&P yang terkini, berkesan dan relevan dengan perubahan pemikiran seiring dengan harapan masyarakat terhadap bakal-bakal guru. Buku ini merupakan bahan rujukan yang ditulis khusus untuk para pendidik dan pelajar yang sedang mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru (IPG) serta pelajar Fakulti Pendidikan di Universiti Tempatan. Kandungan buku ini dikarang merangkumi keperluan kursus pendidikan meliputi bidang aspek sosiobudaya pelbagai kelompok di Malaysia, gaya pembelajaran berdasarkan aspek kepelbagaian budaya, kemahiran hubungan kelompok dan isu-isu kepelbagaian budaya. Buku ini diharap dapat menyebarkan berkaitan bidang pendidikan kepada baka-bakal guru untuk dimanfaatkan di alam pekerjaan kelak.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




Editor: Ramlah Adam  
**Pemerintahan Beraja Di Alam Melayu Merentas Zaman**  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,  
2016.  
ISBN 978-983-49-1242-0

Buku ini menghuraikan beberapa persoalan tentang kepentingan kepimpinan raja dalam sistem pemerintahan dan pertadbiran sesebuah kerajaan, negeri dan tanah jajahan takluknya, di Alam Melayu. Secara keseluruhannya, setiap artikel dalam buku ini membincangkan sejarah, peranan dan kepimpinan raja-raja dalam kerajaan masing-masing yang memberikan kesan dan impak kepada pemerintahan dan imej kerajaan mereka tadbir di mata dunia dan masyarakat sekelilingnya. Tindakan raja-raja itu menjadi saksi sejarah kepada tamadun yang mereka bina dan tinggalkan sebagai warisan kepada rakyatnya. Buku ini diharap dapat menambahkan lagi bahan bacaan tentang institusi raja Melayu dalam perbendaharaan ilmu warisan bangsa dan menjadi rujukan generasi muda dalam mengendalikan penyelidikan bidang ilmu sejarah dan menjadi pencerah kepada keraguan tentang isu-isu kepimpinan diraja dalam tamadun bangsa dan negara.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




Mat Rofa Ismail  
**Malayonesia: Kerdipan Bintang Melayu di Langit Melayu**  
Shah Alam, Selangor: Grup Buku Karangkraf, 2016.  
ISBN 9789678606585

Penceritaan berkaitan Melayu telah ujud seawal 1900 lagi. Penulis memilih istilah *Malayonesia* yang memberi makna hal ehwal masyarakat dan geografi Alam Melayu untuk memberi impak kepada pembaca. Penulis memilih *Ummat al-Malayu* dan *Tarikh Fathani* sebagai rujukan di samping lain-lain rujukan sebagai penguat kepada penulisan beliau. Pengkisahan sejarah Tanah Melayu yang diceritakan oleh penulis telah memberi peluang kepada pembaca untuk mengimbas kembali akan sejarah tanah air. Perkembangan dan rentetan sejarah Melayu perlu diketahui oleh seluruh masyarakat Melayu, supaya sejarah tersebut menjadi motivasi, rujukan dan panduan kepada generasi baru bagi memantapkan jati diri mereka. Orang-orang Melayu Islam diajar bahawasanya dalam kalangan mereka tidak ada perbezaan dan yang membezakan hanya ketakwaan diri seseorang itu. Walaupun buku ini menjadi sedikit kontroversi dari segi fakta sejarah yang dikemukakan, namun atas semangat cintanya kepada bangsa Melayu, ianya tetap diteruskan sehingga buku ini diterbitkan dan telah diulang cetak sebanyak empat kali dalam masa kurang setahun.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



Noor Hayati Yasmin Nga  
Timin & Norsa'adah Ahmad  
**Menulis Buku Pertama**  
Johor Bahru, Johor : Dua  
Penulis PLT, 2016.  
ISBN 978-967-13549-1-9

Buku ini terbahagi kepada 18 bab yang menghimpunkan langkah-langkah tentang bagaimana seseorang penulis untuk menulis buku pertama. Bab kedua hingga ke sembilan diakhiri dengan ruangan untuk pembaca atau bakal penulis buku untuk menulis impian dan perancangan menulis mereka setelah habis membaca buku ini. Penerangan yang diberikan mudah difahami dan boleh dipraktikkan segera. Penulis telah memberikan contoh-contoh situasi sebenar daripada penulis-penulis lain yang melalui pelbagai pengalaman berbeza dalam menghasilkan buku mereka untuk memudahkan pembaca memahami. Selain berkongsi tentang proses penulisan, buku ini turut menyatakan kaedah dan proses penerbitan buku, iaitu sama ada menerbitkan sendiri hasil penulisan atau menyerahkan hasil karya tersebut kepada syarikat penerbitan. Secara keseluruhannya, buku ini boleh dijadikan panduan dan galakkan kepada bakal penulis yang berminat untuk menulis buku pertama mereka nanti.

## SINOPSIS BUKU



Ahmad Zahiruddin Mohd  
Zabidi  
**Sahaja Aku Ikhlas kerana**

...  
Kuala Lumpur : Grup Buku  
Karangkraf Sdn. Bhd., 2016.  
ISBN 978-967-86-0636-3

Buku ini menghimpunkan 50 buah rencana yang terdapat dalam majalah Mingguan Wanita. Himpunan artikel yang menyentuh pelbagai aspek kehidupan dapat dijadikan teladan untuk membentuk ikhlas dalam diri kita. Topik-topik berdasarkan dua sumber dalam Islam iaitu Al-Quran dan hadis. Tulisan berbentuk penceritaan fakta daripada Al-Quran dan hadis-hadis ini menjadi nasihat yang bernilai kepada pembaca dan setiap apa yang dilalui pada hari ini, sebenarnya mempunyai jawapan jika kita mahu mencarinya. Hampir semua penulisan dalam buku ini adalah saduran daripada kitab Riyad as-Solehin. Semoga ia membuka jiwa kita kepada keinginan bagi melihat dan belajar hadis-hadis Rasulullah SAW melalui sumber asalnya


## SINOPSIS BUKU



Mohd Khairul Nizam  
**Buat Pahala 'Free' Gaya  
Rasulullah**  
Batu Caves, Selangor:  
PTS Millennia Sdn Bhd.,  
2015.  
ISBN 978-967-411-327-8

Buku ini memberikan motivasi betapa mudahnya menjana pahala percuma dalam bentuk yang lebih mudah untuk diamalkan oleh semua Muslimin dengan menjadikan ajaran agama seperti Al-Quran dan hadith sebagai panduan. Pahala adalah satu perkataan yang diguna pakai dalam agama dan memberi maksud ganjaran yang bernilai dan berharga untuk kita mendapatkan sesuatu. Buku ini menerangkan prinsip asas dalam memahami konsep menjana pahala berdasarkan Al-Quran dan Sunnah iaitu pahala perlu diyakini dan diimani secara pasti, ianya adalah sesuatu yang bersifat ghaib, ianya adalah milik Allah S.W.T. secara mutlak. Ibnu Kathir dalam tafsir beliau menyatakan bahawa pahala adalah sebaik-baik hasil yang diperoleh oleh manusia dan kekal. Kekalnya pahala ini akan menjadi tiket bagi memasuki syurga Allah S.W.T. untuk kita diamni nanti.


## SINOPSIS BUKU



Shaharom T.M. Sulaiman  
& Mohammad Fazli  
Baharuddin  
**Perpustakaan Penggerak  
Peradaban**  
Shah Alam, Selangor: Im  
Books. Everything, 2016.  
ISBN 9789671406007

Buku ini merupakan hasil garapan penulis dan tiga cendikiawan yang tersohor. Pembangunan perpustakaan di Malaysia dilihat agak perlahan kerana kurangnya kesedaran rakyat akan kepentingan ilmu pengetahuan. Hanya dalam keadaan tertentu sahaja masyarakat akan mencari dan mendapatkan ilmu. Buku ini mengandungi perbicaraan tentang perkembangan perpustakaan pada masa lampau, masa kini dan masa depan telah dikupas oleh Prof. Dr. Abu Hassan Hasbullah dalam tulisannya. Selain itu, tradisi kecemerlangan dan perkembangan dalam sejarah perpustakaan turut menjadi salah satu topik yang dikongsikan oleh Prof. Dr. Muhammad Hj. Salleh. Turut dibicarakan ialah peranan perpustakaan sebagai agen meningkatkan peradaban manusia kerana perpustakaan merupakan pusat pembelajaran untuk menimba ilmu. Selain itu, penulis juga turut berkongsi ilmu dengan mengambil contoh Perpustakaan Iskandariah di Mesir yang merupakan perpustakaan yang tertua di dunia. Buku ini sebagai sumber percambahan ilmu amat sesuai sebagai bacaan umum dan pencinta ilmu.

## SINOPSIS BUKU



Hasiah Salleh  
**Kembalikan Hak Saya**  
Pahang: Hasiah Binti Salleh,  
2017.  
ISBN 978-967-15025-0-1

Buku ini memberikan maklumat ringkas berkaitan prosedur permulaan bagi tuntutan kes-kes di Mahkamah Syariah yang diambil dari Enakmen Tatacara Mahkamah Syariah Negeri Pahang, 2002. Gaya penyampaian yang santai bersama contoh dan bahasa yang mudah difahami menjadikan buku ini sesuai dirujuk oleh pembaca yang tidak mempunyai latar belakang dalam bidang perundangan. Buku ini memaparkan kaedah-kaedah yang perlu diikuti bagi memulakan tuntutan kes yang diamalkan oleh Mahkamah Syariah. Penulis menggarap buku ini berdasarkan pengalaman beliau sendiri sebagai seorang peguam syariah di samping analisis beliau sebagai seorang pensyarah dalam bidang ini. Maklumat yang terkandung di dalam buku ini sesuai menjadi rujukan masyarakat awam, mahasiswa, pengamal undang-undang dan pembaca bagi memahami prosedur yang diamalkan di Mahkamah Syariah.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




Ummu Hani Abu Hassan,  
Norhayati Abu Bakar, Hanafi  
Sarif, Ahmad Fouad  
**Cerita Korea Kami**  
Kuala Lumpur: Inteam  
Publishing Sdn. Bhd., 2016.  
ISBN 978-967-0326-70-2

Buku ini menceritakan tentang pengalaman sekumpulan rakyat Malaysia yang pernah tinggal di Korea Selatan. Kisah-kisah yang berlaku di Korea Selatan ini dibukukan bagi memberi peluang kepada pembaca merasai pengalaman mereka sepanjang menetap di sana. Perbezaan budaya, agama, pemikiran dan geografi adalah di antara beberapa topik yang dikongsikan bersama pembaca. Di sebalik nilai K di depan K-Pop melalui tarian, drama, filem dan budaya moden Korea, buku ini cuba menyingkap nilai K yang lebih mulus iaitu keindahan, kesantunan dan kekuatan yang ada pada masyarakat Korea. Menariknya, setiap penulis mengungkapkan variasi pengalaman dengan bahasa yang jujur, santai dan menyelitkan nilai tarbiah Islam. Pembaca diharap dapat mengambil nilai-nilai baik dari kisah yang dipaparkan dalam buku ini.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



Abdul Muiez Ruslee  
**Check In Check Out:**  
**Kembara HKL**  
Selangor:Buku Puris, 2017.  
ISBN 978-983-097-659-4

Buku ini menceritakan tentang pengalaman penulis dalam mendepani penyakit yang telah sekian lama beliau hadapi yang mana merupakan sejenis penyakit yang jarang ditemui. Penyakit ini menyebabkan berat badan beliau semakin meningkat dan memerlukan penulis untuk berulang-alik ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) bagi mendapatkan rawatan yang sewajarnya. Sepanjang berada di HKL, penulis menyatakan beliau seolah-olah menjadi bahan uji kaji kepada doktor pelatih lantaran penyakit beliau yang jarang ditemui. Di samping itu, beliau juga harus mendapatkan rawatan dari beberapa klinik pakar yang berlainan di seluruh HKL dan penulis telah merakamkan pengalaman beliau sepanjang temu janji di klinik pakar ini. Buku ini sesuai dibaca secara santai bagi berkongsi pengalaman seorang pesakit yang telah berulang kali ke HKL sepanjang 10 tahun bagi mengubati penyakit yang dideritai penulis.

